

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL



KASEMANI (kiri) memberi penerangan kepada orang awam pada Op Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam di Medan Selera Batu Buruk. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Kuala Terengganu: Terengganu merekodkan peningkatan sebanyak 5.9 peratus kes demam denggi menjadikan jumlah keseluruhan 125 kes bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr Kasemani Embong berkata, menerusi jumlah itu juga sebanyak lima wabak dikesan membabitkan daerah Marang, Besut dan Hulu Terengganu.

Menurutnya, meskipun kes menunjukkan peningkatan namun tiada kematian direkodkan setakat ini berbanding satu kematian pada tahun lalu.

Katanya, di Terengganu walaupun ada sedikit peningkatan kita tidak ada wabak yang teruk, kita ada

Kes demam denggi naik 5.9 peratus

lima wabak setakat ini sehingga Jun.

"Kelima-lima wabak ini terkawal dan sudah tamat, dua berlaku di Besut, dua di Marang dan satu di Hulu Terengganu, jadi semuanya sudah tamat dan dapat dikawal dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian

"Kelima-lima wabak dah tamat dan dapat dikawal dengan baik"

*Pengarah JKNT,
Dr Kasemani Embong*

selepas Operasi Bersepadu Cakna Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam Peringkat Negeri Terengganu, di Medan Selera Batu Buruk, di sini, semalam.

Menurutnya, dengan pendekatan dan penguatkuasaan yang berterusan dapat mengekang wabak terbabit daripada terus menular.

Justeru, JKNT menyarankan masyarakat supaya lebih peka terhadap sebarang wabak penyakit terutama demam denggi dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA



DR. KASEMANI (dua dari kanan) memberi penerangan berhubung kawasan larangan merokok kepada pemilik premis di Medan Selera Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu semalam.

Terengganu tambah 7 lagi zon bebas rokok

KUALA TERENGGANU – Negeri ini akan menambah tujuh lagi kawasan Terengganu Bebas Asap Rokok (TBAR) selain mengeluarkan 7,800 notis kompaun sejak 2018 bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat daripada impak perokok pasif.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, ketika ini, satu-satunya lokasi yang telah diwartakan zon TBAR di negeri ini ialah Pantai Batu Burok, di sini.

"Tujuh zon baharu TBAR yang dikenal pasti iaitu Taman Bandar Chukai, Kemaman; Arena Square, Dungun; Pantai Pulau Kekabu; Marang dan Pasar Awam

Kuala Berang, Hulu Terengganu.

"Pantai Teluk Ketapang, Kuala Nerus; Pesisir Jeti Pelancongan Merang, Setiu dan Kota Putera Square, Besut juga akan digazetkan sebagai zon TBAR," katanya selepas mengetuai Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam di sini semalam.

Katanya, pewartaan zon TBAR itu bertujuan meningkatkan kualiti hidup rakyat Terengganu daripada impak perokok pasif.

Tambahnya, sebanyak 7,800 notis kompaun pelbagai kesalahan merokok dikeluarkan di zon TBAR Pantai Batu Burok sejak 2018 dengan jumlah kutipan keseluruhan RM1.25 juta.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : SINAR BESTARI

Usaha tarik minat pelajar sambung pengajian bidang kesihatan

NILAI - Seramai 41 mahasiswa dan lima tenaga pengajar dari KPJ Healthcare University (KPJU) menjayakan Hari Jururawat 2024 dan Hari Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks KLIA di sini baru-baru ini.

Program dianjurkan dengan kerjasama SMK Kompleks KLIA dan Klinik Kesihatan KLIA itu turut disertai seluruh warga sekolah tersebut.

Objektif utama sambutan Hari Jururawat 2024 yang bertemakan *Our Nurses, Our Future: The Economic Power of Care* itu adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan komuniti khususnya warga emas melalui perkhidmatan kesihatan dan perubatan menyeluruh, selari dengan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Malah, penganjurannya juga dapat mengeratkan silaturahim di antara masyarakat setempat, Klinik Kesihatan Kuarters KLIA dan warga KPJU.

Pelbagai aktiviti menarik



Hari Jururawat 2024 dan Hari Guru di SMK Kompleks KLIA disertai mahasiswa dan tenaga pengajar KPJU serta komuniti setempat.

diadakan, antaranya perkongsian ilmu mengenai 'Perjalanan Menjadi Seorang Pelajar Jururawat' oleh Presiden Kelab Nursing Students Association (NUSA), Muhammad Farhan Salimi; Exco Akademik Kelab NUSA, Nuraili Afrina Sabtu dan jururawat Hospital Pakar KPJ Kajang, Selangor yang juga alumni KPJU, Majeeda Abdul Hamid.

Selain itu, demonstrasi resusitasi kardiopulmonari, simulasi *Code Blue*, pameran ke-

sihatan daripada *School of Nursing, School of Pharmacy* dan *School of Health Sciences* turut memeriahkan program tersebut.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Pengarah Pusat Pengajian Pasca Siswazah KPJU, Dr Mohd Izham Mohd Zain.

Muhammad Farhan berkata, pendedahan awal terhadap bidang kesihatan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



Mohd Izham (kiri) turut menghadiri Hari Jururawat 2024 dan Hari Guru di SMK Kompleks KLIA.

merupakan langkah penting dalam menarik minat golongan muda untuk menyambung pengajian dalam bidang sains kesihatan di KPJU.

Ujarnya, usaha memupuk minat tersebut dilakukan menerusi penayangan video berkaitan aktiviti mahasiswa bidang kejururawatan, sekali gus menarik perhatian pelajar Tingkatan Satu hingga Lima kepada jurusan itu.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha NUSA, Nurul

Farisya Abdul Wahab teruja dapat menyertai program kemasyarakatan yang amat bermanfaat kepada diri dan warga SMK Kompleks KLIA tersebut.

Katanya, aktiviti sedemikian bukan sahaja dapat memberikan pengalaman berharga, tetapi memupuk minat masyarakat sekeliling untuk memilih kursus kesihatan sebagai pilihan utama apabila melanjutkan pelajaran ke universiti.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

JKNT kenal pasti tujuh lokasi baharu bebas asap rokok

KUALA TERENGGANU - Tujuh lokasi dikenal pasti oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) untuk digazetkan sebagai kawasan Terengganu Bebas Asap Rokok (TBAR) di negeri ini sebelum berakhir 2024.

Kawasan tersebut ialah Taman Bandar Chukai di Kemaman, Arena Merdeka (Dungun), Pantai Pulau Kekabu (Marang), Pasar Awam Kuala Berang (Hulu Terengganu), Pesisir Pantai Teluk Ketapang (Kuala Nerus), Kawasan Jeti Palancong Merang (Setiu) dan Kota Putera Square (Besut).

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, setakat ini Terengganu mempunyai satu zon TBAR yang diwartakan pada tahun 2018 iaitu di kawasan Batu Buruk, Kuala Terengganu.

"Apabila sudah siap digazetkan kelak, Terengganu akan memiliki lapan zon TBAR di seluruh negeri bertujuan meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup rakyat kesan daripada perokok pasif melalui persekitaran yang bebas asap," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam Siri 3/2024 di Pantai Batu Buruk di sini pada Selasa.

Katanya, proses pewartaan tersebut mengambil masa yang agak lama kerana memerlukan libat urus pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri serta pemegang taruh yang lain.

Dalam pada itu, Dr Kasemani menyatakan sejak 2018 JKNT telah mengeluarkan notis sebanyak 7,800 pelbagai kesalahan merokok di TBAR Batu Buruk.



Kasemani (kiri) memberi taklimat kepada peniaga berhubung Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam Siri 3/2024 di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu pada Selasa.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

6

Utusan Malaysia
RABU • 26 JUN 2024Utusan Malaysia
Dalam Negeri

Sultan Perak rasmi Klinik Kesihatan Kuala Kangsar



SULTAN Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Klinik Kesihatan Kuala Kangsar, semalam. - UTUSAN/
MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

KUALA KANGSAR: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Klinik Kesihatan Kuala Kangsar yang dibina menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos keseluruhan RM20.75 juta.

Keberangkatan baginda diiringi Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Berangkat sama, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; dan Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Kerja-kerja pembinaan klinik tersebut bermula pada tahun 2016 bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan beroperasi sejak Januari 2021 namun program perasmian-nya tertunda kerana kekangan Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad semasa sembah ucapannya

berkata, klinik itu menyediakan perkhidmatan kesihatan primer yang memberi kemudahan kepada beberapa mukim dengan anggaran populasi 60,000 orang.

"Klinik Kesihatan Kuala Kangsar memainkan peranan penting dalam transformasi penyampaian kesihatan primer. Sejak mula operasi, jumlah pengunjug meningkat daripada 300 hingga 400 orang sehari pada tahun 2021, kepada antara 500 hingga 700 orang sehari pada tahun 2023," katanya dalam majlis perasmian yang diadakan di sini semalam.

Antara perkhidmatan disediakan adalah klinik pesakit luar, klinik ibu dan anak, perkhidmatan kecemasan dan klinik pergigian selain sokongan farmasi, radiologi, sains pemakanan, kaunseling selain pencegahan penyakit berjangkit serta tidak berjangkit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

12

Utusan Malaysia
RABU • 26 JUN 2024

Dalam Negeri

PPIM dakwa KKM ketepikan pakar dalam pindaan akta perubatan

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
utusannews@medianulla.com.my

KUALA LUMPUR: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bimbang dengan tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang didakwa menyisihkan pendapat pakar perubatan yang menentang isu Program Latihan Ijazah Kepakeran atau *Parallel Pathway* terhadap cadangan pindaan Akta Perubatan 1971.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan turut mendakwa KKM telah menjadikan pesakit sebagai alasan untuk mengetepikan perbincangan membabitkan cadangan kerajaan untuk meminda Akta Perubatan.

Menurutnya, perkara itu tidak boleh diterima dan KKM telah menimbulkan kebimbangan serius terhadap program *Parallel Pathway* dan kesannya terhadap keselamatan pesakit dalam proses membuat keputusan.

"Penglibatan KKM dan pakar perubatan merupakan peluang agar semua perspektif diambil



KEMENTERIAN Kesihatan didakwa menyisihkan pendapat pakar perubatan dalam isu program *Parallel Pathway*. - GAMBAR HIASAN

kira semasa membuat keputusan yang akan memberi kesan secara langsung kepada sistem penjagaan kesihatan di Malaysia.

"Cadangan pindaan kepada Akta Perubatan 1971 adalah

amat penting bagi semua pihak termasuk pengkritik Lanjutan Kepakeran untuk diberi platform menyatakan pandangan dan kebimbangan mereka," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

PPIM turut menggesa KKM mempertimbangkan semula pengecualian pihak berkepentingan tertentu dan memastikan semua suara didengari dalam proses membuat keputusan.

"Keselamatan pesakit harus sentiasa menjadi keutamaan dalam sistem penjagaan kesihatan, dan penting bagi semua pihak yang berkepentingan bekerjasama untuk memastikan bahawa cadangan pindaan kepada Akta Perubatan akan memberi manfaat kepada pesakit dan meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan di Malaysia," jelasnya.

Terdahulu, media melaporkan KKM akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri untuk menyegerakan pindaan Akta 50 mengenai program *Parallel Pathway* bagi membolehkan pelatih yang menyelesaikan program itu mendaftar sebagai pakar di bawah akta berkenaan.

Dalam pada itu, bekas Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Prof Dr.

Dayang Anita Abdul Aziz berkata, pakar perubatan yang sudah mendaftar dalam National Specialist Register (NSR) sepatutnya tidak perlu mengambil kelayakan tambahan seperti program *Parallel Parapathway*.

Katanya, pakar bedah pediatrik yang telah berdaftar dalam NSR tidak perlu mengambil kelayakan tambahan dari luar negara, namun mereka boleh mengambil peperiksaan European Board secara persendirian tanpa melibatkan KKM.

"Namun, jika KKM mahu menjalankan peperiksaan luar negara untuk kelayakan tertentu, ia boleh dilakukan tetapi hanya terbuka kepada pakar yang telah berdaftar dalam NSR sahaja.

"Ini kerana melaksanakan program seperti ini tidak mudah kerana memerlukan komitmen sepenuh masa serta klinikal di KKM yang sangat tinggi dan pakar sepatutnya menjadi pelatih, bukannya menjalankan program," katanya.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DALAM NEGERI

34

Utusan Malaysia
RABU • 26 JUN 2024

Dalam Negeri

Tujuh lokasi bebas asap rokok baharu diwartakan di Terengganu

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamalaysia.com.my

KUALA TERENGGANU: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu mengenal pasti tujuh lokasi baharu yang bakal digazetkan sebagai kawasan 'Terengganu Bebas Asap Rokok' (TBAR) di negeri itu menjelang akhir tahun ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, ketika ini Terengganu mempunyai satu zon TBAR yang diwartakan pada 2018 iaitu kawasan tumpuan pelancong di Batu Buruk, di sini.

Menurutnya, apabila digazetkan kelak, Terengganu akan memiliki lapan zon TBAR di seluruh negeri bertujuan meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup rakyat Terengganu daripada kesan perokok pasif melalui persekitaran yang bebas asap.

"Kawasan yang dikenal pasti di Kemaman ialah Taman



PEGAWAI Kesihatan mengeluarkan notis kesalahan kepada perokok di kawasan larangan merokok dalam Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam di Medan Selera Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Bandar Chukai, Dungun (Arena Merdeka), Marang (Pantai Pulau Kekabu) dan Hulu Terengganu (Pasar Awam Kuala Berang).

"Selain itu, di Kuala Nerus ialah Pesisir Pantai Teluk Ketapang, di Marang pula Kawasan Jeti Pelancongan Merang manakala di Besut ialah kawasan Kota Putera Square," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Operasi Cakna Undang-Undang Kesihatan Awam Siri 3/2024 di Pantai Batu Buruk di sini, semalam.

Tambahnya, proses pewartaan itu mengambil masa yang agak lama kerana memerlukan libat urus pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan pemegang taruh yang lain.

Mengulas lanjut, Kasemani berkata, sejak 2018, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah mengeluarkan notis sebanyak 7,800 pelbagai kesalahan merokok di TBAR Batu Buruk.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

Protecting youths from smoking

LAST YEAR, parliament passed the tobacco Bill, leading to the implementation of a crucial law aimed at protecting our children and aiding adult smokers in quitting their habit.

Throughout this process, we uncovered a vital truth that could significantly impact public health: not all vapes are created equal.

Due to insufficient regulation of the vape market, a surge of illegal candy and fruit-flavoured vape products targeting our children has flooded into the country from China.

These illicit products have inundated our communities, making it challenging for law enforcement and retailers to differentiate between legal and illegal products.

Enhancing education and information in the vaping market is critical to reducing harm for smokers. It is essential for people to understand that nicotine is not the primary cause of health issues in tobacco products.

Nicotine, naturally derived from the tobacco leaf, has been used by humans for thousands of years. While it is an addictive stimulant found in tobacco, it is not the real threat.

The true danger in cigarettes comes from the combustion process – burning the tobacco and paper – which creates harmful toxins. If you are not burning and inhaling smoke, you significantly reduce health risks.

Another crucial point to understand is that vapes are more effective than other therapies in helping smokers quit. Quitting cigarettes is notoriously difficult and many smokers attempt several times without success.

While smokers use nicotine

replacement gums and patches to help wean themselves off cigarettes, credible research shows that vaping is more effective as a cessation tool.

However, while Nicorette gum and nicotine patches are readily available at local pharmacies, most pharmacies refuse to carry any vapes.

The primary issue shaping flawed policies governing the sale of nicotine vapes is youth prevention. Protecting our children and preventing adult products from reaching them is crucial, and we should all support this mission.

That is why vapes, like all tobacco products, are illegal for sale to anyone under the age of 18. These youth prevention policies, along with educational programmes, have successfully driven youth smoking rates to the lowest levels in history.

However, when underage consumers still manage to obtain these products despite the law, it becomes clear that the issue lies in enforcing these policies.

Malaysia has the potential to be a global leader in helping smokers transition away from cigarettes to less harmful alternatives but change must begin at the top.

Our health authorities must regulate a functional marketplace that provides alternatives to adult smokers while protecting youths.

A stringent yet clear approval process for these products is necessary. Without it, we risk a continued influx of illegal disposable vapes that ironically have become the most popular choice among teenagers.

Lee Chong Kiat
Klang